BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 08/17/19

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Rabu, 30 Ogos 2017

SOROTAN BULANAN JULAI 2017

Inflasi terus menurun pada bulan Julai 2017

- Inflasi keseluruhan terus menurun kepada 3.2% (Jun: 3.6%) disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang lebih rendah pada bulan itu. Purata harga petrol RON95 ialah RM1.96 seliter pada bulan Julai berbanding dengan RM2.00 seliter pada bulan Jun.
- Inflasi dalam subkategori *makanan dan minuman bukan alkohol* secara relatif stabil pada 4.2% (Jun: 4.3%).

Pasaran kewangan kekal stabil pada bulan Julai dalam keadaan sentimen pasaran yang berhati-hati

- Pasaran kewangan Malaysia secara relatif stabil pada bulan Julai 2017 dalam keadaan sentimen pasaran yang berhati-hati sebelum mesyuarat FOMC pada 26 Julai 2017.
- Peserta pasaran kewangan juga berurus niaga dengan berhati-hati pada bulan itu berikutan ketidaktentuan yang berpunca daripada ketegangan geopolitik antara Amerika Syarikat (AS) dengan Korea Utara dan kebimbangan terhadap keupayaan pentadbiran AS untuk melaksanakan pembaharuan fiskalnya.
- Ini menyebabkan pergerakan kecil dalam pasaran bon, ekuiti dan ringgit.
    - Kadar hasil bon meningkat 3.8 mata asas di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin sebanyak RM1.5 bilion.
    - Pasaran ekuiti dan kadar pertukaran ringgit secara relatif tidak berubah.

Struktur pendanaan bank-bank terus menyokong aktiviti pembiayaan

- Bank-bank terus mempelbagaikan sumber pendanaan untuk menguruskan ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.

- Nisbah pinjaman kepada dana adalah pada 83.5%, mencerminkan sumber pendanaan bank-bank yang lebih meluas.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan berada pada 137.1%, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] sebanyak 80%.

Peningkatan kemahiran tenaga kerja sector kewangan adalah menyeluruh

- Jumlah guna tenaga sektor kewangan kekal sebanyak 165,044 orang pada bulan Julai 2017.
- Pekerja berkemahiran tinggi masing-masing mewakili 74% dan 83% daripada tenaga kerja sektor perbankan dan insurans/takaful, dengan peratusan keseluruhan yang meningkat sejak beberapa tahun yang lalu.
- Lebih 90% daripada jawatan baharu dan kekosongan jawatan merupakan jawatan berkemahiran tinggi. Keadaan ini mendorong peningkatan kemahiran tenaga kerja yang berterusan pada masa hadapan.

Pertumbuhan pembiayaan sederhana tetapi terus menyokong kegiatan ekonomi

- Pertumbuhan pembiayaan bersih kepada sektor swasta menurun kepada 6.8% pada bulan Julai (Jun: 7.2%). Pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon korporat terus memberikan sokongan meskipun lebih perlahan kepada 10.6% (Jun: 11.8%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan stabil pada 5.6% (Jun: 5.7%).
- Pertumbuhan pinjaman PKS terkumpul meningkat kepada 8.1% pada bulan itu (Jun: 7.6%), didorong oleh pertumbuhan dalam sektor *perkilangan*; *pembinaan*; dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*.

Bank Negara Malaysia
30 Ogos 2017

[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum telah ditetapkan pada 80%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Julai 2017

Inflasi terus menurun pada bulan Julai 2017

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan terus menurun kepada 3.2% (Jun: 3.6%) disebabkan terutamanya oleh harga bahan api yang lebih rendah pada bulan itu. Purata harga petrol RON95 ialah RM1.96 seliter pada bulan Julai berbanding dengan RM2.00 seliter pada bulan Jun.
- Inflasi dalam subkategori *makanan dan minuman bukan alkohol* secara relatif stabil pada 4.2% (Jun: 4.3%).

Pasaran kewangan kekal stabil pada bulan Julai dalam keadaan sentimen pasaran yang berhati-hati

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Julai



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Pasaran kewangan Malaysia secara relatif stabil pada bulan Julai 2017 dalam keadaan sentimen pasaran yang berhati-hati sebelum mesyuarat FOMC pada 26 Julai 2017.
- Peserta pasaran kewangan juga berurus niaga dengan berhati-hati pada bulan itu berikutan ketidaktentuan yang berpunca daripada ketegangan geopolitik antara Amerika Syarikat (AS) dengan Korea Utara dan kebimbangan terhadap keupayaan pentadbiran AS untuk melaksanakan pembaharuan fiskalnya.
- Ini menyebabkan pergerakan kecil dalam pasaran bon, ekuiti dan ringgit.
  - Kadar hasil bon meningkat 3.8 mata asas di tengah-tengah aliran keluar bukan pemastautin sebanyak RM1.5 bilion.
  - Pasaran ekuiti dan kadar pertukaran ringgit secara relatif tidak berubah.

Sorotan Bulanan
Julai 2017

Struktur pendanaan bank-bank terus menyokong aktiviti pembiayaan

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



- Bank-bank terus mempelbagaikan sumber pendanaan untuk menguruskan ketidakpadanan mata wang dan tempoh matang dengan lebih baik.
- Nisbah pinjaman kepada dana adalah pada 83.5%, mencerminkan sumber pendanaan bank-bank yang lebih meluas.
- Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) sistem perbankan berada pada 137.1%, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan[1] sebanyak 80%.

[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum telah ditetapkan pada 80%.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan kemahiran tenaga kerja sektor kewangan adalah menyeluruh

Guna Tenaga dalam Sektor Kewangan[1] Mengikut Kemahiran



- Jumlah guna tenaga sektor kewangan kekal sebanyak 165,044 orang pada bulan Julai 2017.
- Pekerja berkemahiran tinggi masing-masing mewakili 74% dan 83% daripada tenaga kerja sektor perbankan dan insurans/takaful, dengan peratusan keseluruhan yang meningkat sejak beberapa tahun yang lalu.
- Lebih 90% daripada jawatan baharu dan kekosongan jawatan merupakan jawatan berkemahiran tinggi. Keadaan ini mendorong peningkatan kemahiran tenaga kerja yang berterusan pada masa hadapan.

[1] Merangkumi Institusi Perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan, Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful.
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan sederhana tetapi terus menyokong kegiatan ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



- Pertumbuhan pembiayaan bersih kepada sektor swasta menurun kepada 6.8% pada bulan Julai (Jun: 7.2%). Pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon korporat terus memberikan sokongan meskipun lebih perlahan kepada 10.6% (Jun: 11.8%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan stabil pada 5.6% (Jun: 5.7%).
- Pertumbuhan pinjaman PKS terkumpul meningkat kepada 8.1% pada bulan itu (Jun: 7.6%), didorong oleh pertumbuhan dalam sektor *perkilangan*; *pembinaan*; dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*.

Sumber: Bank Negara Malaysia